

Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Mengikut Jantina di Luar Kelas

ZAMRI MAHAMOD
MOHAMED AMIN EMBI

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk memperihalkan satu dapatan kajian tentang kepelbagaiannya strategi belajar yang digunakan oleh pelajar lelaki dan perempuan ketika belajar bahasa Melayu di luar kelas berdasarkan kemahiran bahasa (mendengar, bertutur, membaca dan menulis). Kaedah kualitatif berbentuk kajian kes digunakan bagi memperoleh kepelbagaiannya strategi pembelajaran bahasa di luar kelas. Instrumen temu bual digunakan bagi mengumpul data. Seramai lapan pelajar Tingkatan 4 dijadikan peserta kajian, iaitu empat orang pelajar cemerlang dan empat orang pelajar lemah yang mewakili kedua-dua jantina. Peserta kajian ditanya tentang strategi belajar bahasa yang digunakan dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis ketika belajar bahasa Melayu di luar kelas. Data temu bual dianalisis untuk mencari tema dan diberi kod. Data dianalisis menggunakan kaedah Analisis Indeks Cohen Kappa. Dapatkan kajian menunjukkan peserta kajian menggunakan pelbagai pola strategi pembelajaran bahasa ketika belajar bahasa Melayu di luar kelas. Dari segi jenis pelajar, pelajar cemerlang didapati menggunakan pelbagai pola strategi pembelajaran bahasa berbanding pelajar lemah seperti pola penghayatan agama, aktiviti bahasa dan teknologi maklumat ketika di luar kelas. Pelajar lelaki lebih banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa dalam kemahiran mendengar, bertutur dan menulis berbanding pelajar perempuan dalam kemahiran membaca ketika belajar bahasa Melayu di luar kelas.

ABSTRACT

This article describes findings of a descriptive case study designed to examine the range of language learning strategies employed by male and female students for learning of the Malay language out of the classroom based on the major language skills (listening, speaking, reading and writing). Data was collected using an in-depth interview. Eight Form 4 students were purposively selected as respondents for the study consisting of four good language learners and four poor language learners representing both gender. The respondents were required to elicit language learning strategies that they usually employ to learn the Malay language out of the classroom for improving their listening, speaking,

reading and writing skills. The interview data was analyzed, categorized and coded for recurrent themes. For realibility of the categories indentified, the Cohen Kappa Index Analysis was used. Results of the study indicate that participants employed a wide range of language learning strategies for learning the Malay language out of the classroom. The good learners however reported using a wider range of language learning strategies in comparison to the poor learners especially in terms of language activities and utilizing the information technology. Male students also reported employing a wider range of language leaning strategies in comparison to female students in the listening, speaking and writing skills.

PENDAHULUAN

Aspek jantina dalam penyelidikan pembelajaran bahasa sering diketepikan. Oxford dan Crookall (1989) berpendapat bahawa salah satu bidang yang perlu diberi fokus dalam kajian tentang strategi pembelajaran bahasa (SPB) ialah jantina. Menurut Ellis (1994), setakat ini terlalu sedikit perhatian telah diberikan terhadap faktor sosial terutamanya aspek jantina dalam mengkaji strategi pembelajaran bahasa. Oxford (1990) menegaskan bahawa kebanyakan kajian tentang strategi pembelajaran bahasa gagal mengkaji perbezaan jantina atau memilih untuk mengabaikan faktor tersebut. Demikian juga dalam pendidikan Bahasa Melayu (BM). Pengabaian aspek jantina ini merugikan pendidik BM kerana guru tidak dapat mengetahui kekuatan atau kelemahan yang dimiliki pelajar lelaki dan perempuan ketika belajar BM di luar kelas (DLK).

Strategi pembelajaran merupakan satu cara untuk membantu seseorang berjaya menguasai sesuatu pelajaran. Dalam konteks pendidikan BM, pelajar yang menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bahasa dapat membantu mereka berjaya dalam pelajaran bahasa. Kajian-kajian awal tentang strategi pembelajaran bahasa dalam pendidikan BM seperti yang dijalankan oleh Abu Talib (1998), Mohd. Nazali (1999) dan Supian (2003) menunjukkan bahawa pelajar yang berjaya dalam pelajaran BM menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bahasa yang berkaitan dengan strategi kognitif dan metakognitif. Mereka bukan sahaja cemerlang dalam mata pelajaran BM, bahkan juga mencapai keputusan yang cemerlang dalam kebanyakan mata pelajaran yang diambil semasa peperiksaan Penilaian Menengah Rendah. Dapatan kajian mereka disokong oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh Mohamed Amin, Mohd. Isa, Zamri dan Jamaludin (2002) dan Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah (2002, 2003) yang mendapati bahawa kebanyakan pelajar, terutamanya pelajar cemerlang memperoleh pencapaian akademik BM jauh lebih baik berbanding pelajar lemah. Pelajar cemerlang menggunakan lebih banyak dan pelbagai strategi pembelajaran bahasa berbanding pelajar lemah.

Kajian yang dijalankan oleh Abu Talib (1998), Mohd. Nazali, Mohamed Amin dan Zamri (1999), Mohamed Amin, Mohd. Nazali dan Zamri (2001) serta Mohamed Amin, Zamri dan Mohd. Isa (2004) mendapati bahawa pelajar perempuan lebih banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa ketika belajar BM berbanding pelajar lelaki. Kajian yang dijalankan oleh Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah (2002, 2003) mendapati bahawa pelajar perempuan lebih banyak menguasai strategi pembelajaran bahasa berbanding pelajar lelaki walaupun kedua-dua kumpulan pelajar kajiannya terdiri daripada pelajar cemerlang dalam mata pelajaran BM.

Dari segi kemahiran, kajian yang mengkaji penggunaan strategi pembelajaran berdasarkan kemahiran bahasa kurang dijalankan dalam konteks pendidikan BM. Kajian Supian (2003) lebih kepada aspek tatabahasa, iaitu untuk mengetahui bagaimana pelajar belajar tatabahasa. Kajian Zamri dan Mohamed Amin (2003a, 2003b) lebih berfokus kepada kemahiran mendengar dan bertutur di dalam kelas. Walau bagaimanapun, belum ada satu kajian yang mengkaji semua kemahiran bahasa DLK. Justeru, kajian ini dapat membantu penyelidik dan pendidik bahasa untuk mengetahui apakah strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar lelaki dan perempuan ketika belajar BM semasa DLK.

Artikel ini bertujuan untuk memperihalkan dapatan satu kajian kes tentang strategi pembelajaran bahasa antara pelajar lelaki dan perempuan ketika belajar BM dalam kemahiran mendengar (KD), bertutur (KT), membaca (KB) dan menulis (KTS) ketika DLK. Justeru, kajian ini cuba menjawab dua persoalan kajian berikut:

1. Apakah strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh peserta kajian ketika mempelajari BM DLK berdasarkan jantina?
2. Apakah strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh peserta kajian untuk mempelajari BM dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis ketika DLK?

METODOLOGI

REKA BENTUK

Kajian kes ini dijalankan terhadap empat orang pelajar cemerlang dan empat pelajar lemah dalam mata pelajaran BM. Pelajar dipilih berdasarkan gred keputusan BM dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah. Pelajar cemerlang ialah pelajar yang mendapat gred A, manakala pelajar lemah mendapat gred D atau E bagi mata pelajaran BM dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pelajar cemerlang dan lemah juga dipilih dengan bantuan guru mata pelajaran BM, guru kelas dan Ketua Panitia BM di sekolah yang dijadikan kajian. Kajian dijalankan di sebuah sekolah menengah kebangsaan di sebuah daerah di negeri Selangor.

INSTRUMEN

Kajian kualitatif ini menggunakan instrumen temu bual bagi mendapatkan data. Kaedah temu bual sesuai dijalankan dalam kajian kes kerana ia melibatkan pengumpulan dan penganalisaan data secara kualitatif yang paling mudah (Creswell 1994). Kaedah temu bual juga melibatkan interaksi secara bersemuka antara pengkaji dengan pelajar cemerlang dan lemah secara terus, langsung dan terarah untuk mendapatkan maklumat tentang pengalaman atau situasi pelajar cemerlang itu (Taylor & Bogdan 1984). Temu bual dalam kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara berstruktur. Temu bual berstruktur lebih sesuai digunakan dalam kajian yang mengkaji bagaimana seseorang pelajar itu belajar bahasa. Pengkaji-pengkaji kualitatif seperti Descombe (1998), Marshall dan Rossman (1995) dan lain-lain berpendapat bahawa temu bual berstruktur mempunyai kekuatannya tersendiri dalam kajian kualitatif.

Soalan-soalan temu bual berstruktur ini meliputi beberapa aras atau peringkat soalan yang dicadangkan oleh Kvale (1996). Kajian rintis dijalankan terhadap dua pelajar cemerlang lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa soalan temu bual yang sukar dijawab. Soalan-soalan yang sukar dan mengelirukan dibaiki atau dibuang. Untuk memastikan soalan-soalan temu bual meliputi semua aras soalan, kemahiran bahasa dan menjawab persoalan kajian, pengkaji meminta kerjasama guru BM, guru Panitia BM dan juga Ketua Bidang Bahasa sekolah kajian rintis untuk memeriksa soalan-soalan temu bual itu agar boleh dipercayai dan ada kesahannya.

ANALISA DATA

Data temu bual kemudian dianalisis dengan mencari tema atau pola yang kerap ditemui dalam temu bual. Setelah tema dikenal pasti tema, proses mengkod dibuat. Semua tema ini dibina menggunakan perisian *NUD*IST (Non-Numerical Unstructured Data and Indexing Searching Theorizing)* yang telah diadaptasi secara manual bagi memberi gambaran yang lebih seragam dan mudah difahami.

Bagi menentukan sama ada tema strategi pembelajaran bahasa yang dikumpulkan itu boleh dipercayai ataupun tidak, setiap tema dianalisis menggunakan analisis Cohen Kappa. Setelah dikira nilai persetujuan oleh pakar, pengkaji telah memperoleh nilai pekali Cohen Kappa pada tahap 0.80, iaitu pada tahap skala sangat baik bagi tema SPB untuk peserta cemerlang, dan 0.88, iaitu pada tahap skala sangat baik bagi tema SPB untuk peserta lemah.

DAPATAN KAJIAN

PERBANDINGAN ANTARA PELAJAR CEMERLANG DAN PELAJAR LEMAH LELAKI

Jadual 1 membincangkan strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang dilapor digunakan oleh pelajar lelaki ketika belajar bahasa Melayu (BM) di luar kelas (DLK). Terdapat 74 SPB yang dilapor digunakan oleh pelajar lelaki ketika belajar BM semasa DLK. Daripada jumlah tersebut, PCL-2 (PCL - pelajar cemerlang lelaki) merupakan pelajar lelaki paling banyak menggunakan SPB ketika DLK, iaitu sebanyak 47 SPB. Ini diikuti PCL-1 dengan 40 SPB, PLL-1 (PLL - pelajar lemah lelaki) dengan 13 SPB, manakala PLL-2 merupakan pelajar lelaki paling sedikit melapor menggunakan SPB ketika DLK, iaitu sebanyak 11 SPB sahaja. Secara perbandingan, PCL melapor menggunakan lebih banyak SPB ketika belajar BM semasa DLK berbanding PLL.

Terdapat empat SPB yang dikategorikan sebagai SPB paling popular yang digunakan oleh PCL dan PLL ketika belajar BM semasa DLK. Empat SPB yang dikategorikan sebagai SPB paling popular itu ialah strategi DTKR, GABT, GTTT, dan BPBB. Keempat-empat SPB paling popular ini pula boleh dikelompokkan dalam empat pola, iaitu mendengar dengan teliti, menggunakan pelbagai alat bantuan, menggunakan teknik belajar dan membaca pelbagai bahan bacaan.

Bagi pola mendengar dengan teliti, dilaporkan bahawa PCL dan PLL menggunakan strategi DTKR sebagai SPB paling popular dalam meningkatkan aspek pendengaran. Strategi DTKR atau mendengar dengan teliti kata rakan digunakan oleh semua PCL dan PLL. Bagi PCL, dengan mendengar teliti kata rakan semasa berbincang, ia dapat membantu mereka memahami apa yang dikatakan oleh rakan tersebut. Segala yang didengar itu pula dapat digunakan semasa membuat tugas. Bagi PLL pula, dengan mendengar teliti apa yang dikatakan rakan, ia dapat membantu mereka meningkatkan asek pendengarannya. Dapat dirumuskan di sini bahawa tujuan PCL dan PLL menggunakan strategi DTKR adalah sama, iaitu bagi meningkatkan KD seperti yang terdapat dalam petikan temu bual pelajar lelaki berikut:

- DLK pula, saya dapat mendengar dengan teliti dan boleh berbincang dengan rakan apa yang terjadi. (PCL-1, DLK-KD: 82-83)
- DLK ada. Pergaulan dengan kawan-kawan. Dengar percakapan dia orang. Ya, pergaulan saya dengan baik, mendengarlah. (PLL-2, DLK-KD: 45-46)

Pola menggunakan teknik belajar merujuk kepada penggunaan berapa teknik belajar ketika belajar BM semasa DLK. Strategi GTTT boleh dikelompokkan dalam pola teknik belajar. Strategi GTTT atau menggunakan teknik bagi meningkatkan aspek pertuturan digunakan oleh semua pelajar lelaki ketika DLK. Bagi PCL, beberapa teknik bertutur digunakannya adalah seperti mewujudkan kumpulan perbincangan, melihat cara guru bertutur, banyak bertutur dengan

JADUAL 1. SPB Pelajar Cemerlang Lelaki dan Pelajar Lemah Lelaki DLK

| Bil. | Kod | Definisi Koding | PCL-1 | PCL-2 | PLL-1 | PLL-2 |
|------|-------|--|-------|-------|-------|-------|
| 1. | GABD | Guna alat bantuan pendengaran | / | / | | |
| 2. | DPC | Dengar pakar cakap | / | | | |
| 3. | DPF | Dengar perkara berfaedah | / | | | |
| 4. | PMTD | Peruntuk masa tingkat pendengaran | / | / | | |
| 5. | GTTD | Guna teknik tingkatkan pendengaran | / | / | | |
| 6. | DTKR | Dengar teliti kata rakan | / | / | / | / |
| 7. | DTAG | Dengar teliti arahan guru | / | | | |
| 8. | HKT | Hadiri kelas tuisyen | | / | | |
| 9. | DTPS | Dengar teliti pengumuman sekolah | / | / | | |
| 10. | DTPP | Dengar teliti percakapan pemberita | | / | | |
| 11. | DTKK | Dengar teliti kata keluarga | | / | | |
| 12. | DTKGT | Dengar teliti kata guru tuisyen | | / | | |
| 13. | BTG | Banyak tanya guru | | / | | |
| 14. | DAPB | Dengar aktiviti pertandingan bahasa | | / | | |
| 15. | ABAB | Ambil bahagian aktiviti bahasa | / | | | |
| 16. | TDR | Tutur dengan rakan | | / | / | |
| 17. | BDR | Bincang dengan rakan | / | | | |
| 18. | GABT | Guna alat bantuan pertuturan | / | / | / | / |
| 19. | PMTT | Peruntuk masa tingkatkan pertuturan | / | / | / | |
| 20. | GT TT | Guna teknik tingkatkan pertuturan | / | / | / | / |
| 21. | BTK | Banyak tanya keluarga | / | / | | |
| 22. | TCABA | Tidak campur aduk bahasa asing | | / | | |
| 23. | TGBF | Tutur guna bahasa formal | | / | / | |
| 24. | LTDC | Berlatih tutur depan cermin | | / | | |
| 25. | HKK | Hadiri kursus komunikasi | | / | | |
| 26. | TDK | Tutur dengan keluarga | | / | | |
| 27. | TDG | Tutur dengan guru | | / | | |
| 28. | BPBB | Baca pelbagai bahan bacaan | / | / | / | / |
| 29. | BBTB | Baca buku tinggi bahasanya | / | | | |
| 30. | MKDB | Minta keluarga dengar bacaan | / | | / | |
| 31. | IBK | Ikut budaya keluarga | | / | | |
| 32. | STBB | Sebelum tidur baca buku | | / | | |
| 33. | BPGB | Baca petikan guru beri | | / | | |
| 34. | GTTB | Guna teknik tingkatkan pembacaan | / | / | | |
| 35. | BDL | Baca dengan lancar | | / | | |
| 36. | BTR | Banyak tanya rakan | / | / | | |
| 37. | PBR | Pinjam buku rakan | | / | | |
| 38. | PMTB | Peruntuk masa tingkat pembacaan | | / | / | |
| 39. | GABB | Guna alat bantuan pembacaan | / | / | | |
| 40. | MRSB | Minta rakan semak bacaan | | / | | |
| 41. | MKWMP | Minta keluarga wujudkan mini pustakaan | | / | | |
| 42. | MKS B | Minta keluarga semak bacaan | | / | | |

JADUAL 1. (samb.)

| Bil. | Kod | Definisi Koding | PCL-1 | PCL-2 | PLL-1 | PLL-2 |
|--------|-------|------------------------------------|-------|-------|-------|-------|
| 43. | BBF | Baca bahan berfeadah | / | | | |
| 44. | GABTs | Guna alat bantuan penulisan | / | | / | |
| 45. | TBM | Tidak buang masa | / | | | |
| 46. | TBB | Terjemah bahan bacaan | / | | | |
| 47. | WKP | Wujudkan kumpulan perbincangan | / | | | |
| 48. | BKC | Baca karangan contoh | / | | | |
| 49. | PMTTs | Peruntuk masa tingkatkan penulisan | / | / | | |
| 50. | GTTSs | Guna teknik tingkatkan penulisan | / | / | | / |
| 51. | PBP | Pinjam buku perpustakaan | / | | | |
| 52. | BSC | Buat sinopsis cerita | / | | | |
| 53. | TPF | Tulis perkara berfaedah | / | | | |
| 54. | TsGAL | Tulis guna ayat lengkap | / | | | |
| 55. | BBLTs | Banyak buat latihan menulis | / | | / | |
| 56. | SLSH | Semak latihan sebelum hantar | / | / | | |
| 57. | MGPT | Minta guru periksa teliti | / | | | |
| 58. | BRSTS | Buat rangka sebelum menulis | | | / | |
| 59. | HKT | Hadiri kelas tuisyen | / | / | | |
| 60. | BDSB | Baca doa sebelum belajar | / | / | | |
| 61. | TPY | Tawakal penuh yakin | / | / | | |
| 62. | HKBB | Hadiri kursus bengkel bahasa | / | | | |
| 63. | DK | Dorongan keluarga | / | | | |
| 64. | PTT | Percaya pertolongan Tuhan | / | | | |
| 65. | SS | Sentiasa solat | | / | | |
| 66. | BAS | Baca ayat suci | | / | | |
| 67. | MRK | Minta restu keluarga | | / | | |
| 68. | CTK | Cium tangan keluarga | | / | | |
| 69. | HG | Hormati guru | | / | | |
| 70. | TDL | Tutur dengan lancar | | | / | |
| 71. | TGS | Tulis guna singkatan | | | / | |
| 72. | DTKG | Dengar teliti kata guru | | | | / |
| 73. | BDT | Baca dengan teliti | | | | / |
| 74. | TDP | Tulis dengan pantas | | | | / |
| JUMLAH | | | 40 | 47 | 13 | 11 |

* PCL – Pelajar cemerlang lelak, PLL – Pelajar lemah lelaki

keluarga dan rakan, menggunakan pelbagai alat bantuan ketika bertutur, memberi tumpuan ketika bertutur dan sebagainya. Dengan menggunakan teknik-teknik bertutur ini, ia membantu PCL bertutur dengan yakin terutamanya ketika bertutur dengan ibu bapa di rumah ataupun dengan rakan-rakan di luar rumah. Bagi PLL, mereka menggunakan beberapa teknik bagi meningkatkan aspek pertuturnya seperti bertutur menggunakan bahasa formal, banyak merujuk kamus dan membaca pelbagai bahan bacaan. Misalnya, bertutur menggunakan bahasa formal DDK membantu PLL bertutur dengan lancar terutama semasa berbincang dengan guru dan rakan. Berdasarkan huraian, dapat dirumuskan bahawa teknik bertutur dan tujuan menggunakan teknik bertutur oleh PCL dan PLL adalah tidak sama, tetapi mempunyai satu matlamat, iaitu bagi meningkatkan aspek bertutur. Ini dapat dapat dibuktikan berdasarkan petikan temu bual strategi GTTT di kalangan pelajar lelaki seperti berikut:

- Saya banyak menggunakan teknik-teknik untuk meningkatkan KT saya. Contohnya DDK, saya mewujudkan kumpulan perbincangan BM dan melihat guru BM saya ketika bertutur dengan teliti dan yakin pada diri sendiri ketika bertutur dalam menyuarakan pendapat dengan bernas. DLK dan KHP sama. (PCL-1, DLK-KT: 77-80)
- Seperti yang kata tadi, teknik untuk meningkatkan KT dengan bercakap dengan dalam bahasa baku, melihat kamus atau menyemak kamuslah. DLK ada. Seperti tadilah...strategi untuk memahirkan KT saya dengan melihat kamus... (PLL-1, DLK-KT: 58-60)

Strategi BPBB pula boleh dikelompokkan SPB paling popular dalam pola membaca pelbagai bahan bacaan. Strategi BPBB atau membaca pelbagai bahan bacaan digunakan oleh semua pelajar lelaki dalam meningkatkan aspek pembacaan. Bagi PCL, mereka menggunakan pelbagai bahan bacaan bagi meningkatkan aspek membaca seperti membaca karya sastera, membaca akhbar dan majalah, membaca buku teknik membaca, membaca bahan-bahan berfaedah, membaca buku-buku rujukan peperiksaan, membaca bahan-bahan ilmiah dan membaca kamus. Dengan membaca pelbagai bahan bacaan ini, ia dapat membantu PCL berkomunikasi dengan menggunakan pelbagai jenis ayat yang bernas ketika berbincang, mencatat isi-isi penting, dan sebagainya. Bagi PLL, mereka menggunakan pelbagai bahan bacaan seperti membaca karya sastera, membaca kamus, membaca akhbar dan majalah, membaca buku teks dan lain-lain. Dengan membaca pelbagai bahan bacaan, PLL dapat mencatat isi-isi penting, dapat mengisi masa lapang, memudahkan buat latihan penulisan dan sebagainya. Dengan kata lain, tujuan PCL dan PLL membaca pelbagai bahan bacaan adalah sama ketika belajar BM semasa DLK. Kepentingan strategi BPBB kepada pelajar lelaki ketika belajar BM semasa DLK dapat ditunjukkan berdasarkan petikan temu bual berikut:

- DLK pula saya banyak membaca buku-buku cerita, majalah dan novel. Contohnya majalah *Dewan Masyarakat*, surat khabar dan banyak

mendengar lagu-lagu Melayu serta menonton cerita-cerita klasik. Contohnya cerita-cerita P.Ramlee untuk meningkatkan KB saya.(PCL-1, DLK-KB: 53-55)

- Bahan bacaan yang selalunya mempengaruhi dalam bahan bacaan yang selalu saya gunakan di dalam KB saya adalah seperti novel dan kamus seperti mana yang saya tadi, kamus itu adalah kamus seperti kamus tatabahasa ataupun pemahaman. Selalunya saya menggunakan benda-benda begini adalah seperti DDK, DLK... (PLL-1, DLK-KB: 36-39)

Selain empat SPB yang dikategorikan sebagai SPB paling popular, terdapat dua SPB yang dikategorikan sebagai SPB popular. Berdasarkan Jadual 2, strategi PMTT dan GTTS dikategorikan sebagai SPB yang popular. Kedua-dua SPB ini boleh dikelompokkan dalam dua pola, iaitu memperuntuk masa belajar dan menggunakan teknik belajar.

Pola menggunakan teknik belajar merujuk kepada penggunaan strategi GTTS atau menggunakan teknik bagi meningkatkan aspek penulisan digunakan oleh pelajar lelaki bagi meningkatkan KTS. Bagi PCL, pelbagai teknik menulis digunakan seperti mewujudkan kumpulan perbincangan, mendengar dengan teliti kata-kata keluarga dan rakan, mencatat isi-isi penting dan menulis dengan cantik. Teknik-teknik menulis dapat membantu mereka meningkatkan KTS ketika DLK. Bagi PLL pula, antara teknik menulis yang digunakan ialah membaca pelbagai bahan bacaan, banyak buat ulang kaji dan membuat nota ringkas. Misalnya, teknik membaca pelbagai bahan sastera membantu mereka memahami dengan lebih lanjut tajuk sastera yang dipelajari itu. Ini memudahkan PLL berbincang dengan rakan ketika DLK. Berdasarkan teknik menulis yang digunakan, dapat dirumuskan bahawa PCL dan PLL menggunakan teknik yang berbeza-beza bagi meningkatkan aspek penulisan mereka. Ini dapat dibuktikan berdasarkan petikan temu bual dengan pelajar lelaki bagi strategi GTTS seperti berikut:

- Saya ada menggunakan teknik-teknik dalam meningkat KTS saya seperti...DLK pula saya akan mendengar apa yang diucapkan dan menulis nota apa yang diucapkan oleh ibu bapa saya dan rakan-rakan saya. (PCL-2, DLK-KTS: 74-77)
- DLK saya ambil novel dan faham dan saya cuba buat soalan. (PLL-2, DLK-KTS: 40-41)

Selain SPB yang dikategorikan sebagai SPB paling popular dan popular, terdapat juga SPB yang dikategorikan sebagai SPB kurang popular. Berdasarkan Jadual 2, terdapat 69 SPB kurang popular yang dilapor digunakan oleh pelajar lelaki. Daripada jumlah tersebut, PCL dilaporkan paling banyak menggunakan SPB kurang popular, iaitu sebanyak 56 SPB. PLL pula melapor menggunakan enam SPB kurang popular, manakala tujuh SPB kurang popular digunakan sama-sama oleh PCL dan PLL ketika belajar BM semasa DLK. Kesemua SPB kurang

popular tersebut boleh dikelompokkan dalam beberapa pola seperti menggunakan pelbagai alat bantuan, motivasi, memperuntuk masa belajar, teknik belajar, mendengar dengan teliti, bersikap positif, memperbanyak latih tubi, membaca pelbagai bahan bacaan, mempelbagai gaya bacaan, penghayatan agama, penerapan nilai murni dan sebagainya.

Pola motivasi merujuk kepada sesuatu aktiviti yang dibuat oleh sebahagian pelajar lelaki sebagai satu cara menguasai sesuatu kemahiran BM dengan baik. Pola motivasi ini didapati banyak digunakan oleh sesetengah PCL seperti DPC, DPF, IBK, BBF, TPF, DK dan MRK. Sebagai contoh, strategi DPC (mendengar pakar cakap), IBK (mengikut budaya keluarga), MRK (meminta restu keluarga), DPF (mendengar perkara berfaedah) dan lain-lain merupakan SPB yang memberi motivasi kepada segelintir PCL bagi menguasai sesuatu kemahiran BM itu dengan baik. Kesemua SPB kurang popular ini dapat memberi motivasi kepada sesetengah PCL sama ada bagi meningkatkan KD, KT, KB mahupun KTS. Ini dapat ditunjukkan berdasarkan petikan temu bual PCL bagi strategi DPC, IBK dan MRK.

Contoh strategi DPC:

- Saya juga mendengar percakapan orang yang fasih berbahasa supaya saya tahu ayat-ayat yang lebih relevan dan lebih bagus daripada saya. (PCL-1, DLK-KD: 23-24)

Contoh strategi IBK:

- Saya juga mengikuti budaya ibu bapa di mana ibu bapa saya suka membaca. Setiap malam sebelum tidur saya akan membaca seperti membaca buku-buku cerita klasik dan novel. Puisi-puisi juga saya gemar membacanya pada waktu malam. (PCL-1, DLK-KB: 26-28)

Contoh strategi MRK:

- Selain itu saya juga banyak memohon restu daripada ibu bapa sebelum pergi ke sekolah ataupun mencium tapak tangan ibu bapa saya. Dengan itu saya dapat ketenangan sepanjang persekolahan saya. (PCL-2, DLK: 147-149)

SPB yang berkaitan dengan pola penghayatan agama merupakan antara SPB yang hanya digunakan oleh PCL sahaja tidak digunakan oleh PLL. Strategi BDSB, PTT, SS, dan BAS dikelompokkan dalam pola penghayatan agama. Sebagai contoh, strategi BDSB (membaca doa sebelum belajar), PTT (percaya dengan pertolongan Tuhan), SS (sentiasa sembahyang) dan BAS (membaca ayat suci al-Quran) banyak membantu sesetengah PCL berjaya dalam pelajaran BM. Petikan temu bual bagi strategi BDSB, BAS dan SS membuktikan akan kepentingan SPB tersebut kepada segelintir PCL ketika belajar BM semasa DLK.

Contoh strategi BDSB:

- Saya juga selalu berdoa kepada Allah dan bertawakkal dengan sepenuh yakin. Dengan itu saya dapat menguasai BM dengan lebih baik. (PCL-2, DLK: 141-142).

Contoh strategi BAS:

- Selain itu, sebelum saya memulakan pembelajaran BM, saya akan mulakan dengan membaca bismillah dan membaca. Selalunya saya baca doa penerang hati (PCL-1, DLK: 173-178)

Contoh strategi SS:

- Saya selalu sembahyang dan tidak pernah tinggalkan sembahyang ataupun bersembahyang jemaah dengan ibu bapa saya ataupun dengan rakan-rakan saya di sekolah. (PCL-2, DLK: 142-144)

Kesimpulannya, terdapat pelbagai SPB yang dilapor digunakan oleh pelajar lelaki ketika belajar BM semasa DLK. Daripada 75 SPB yang dilapor DLK, secara keseluruhan PCL lebih banyak menggunakan SPB ketika DLK, iaitu sebanyak 69 SPB berbanding 19 SPB yang dilapor digunakan oleh PLL. Kesemua SPB yang digunakan oleh pelajar lelaki DLK boleh dikategorikan dalam tiga kategori, iaitu SPB paling popular, popular dan kurang popular. Ketiga-tiga SPB tersebut pula boleh dikelompokkan dalam beberapa pola seperti mendengar dengan teliti, menggunakan pelbagai alat bantuan, teknik belajar, memperuntuk masa belajar, penghayatan agama, penerapan nilai murni, membaca pelbagai bahan bacaan dan sebagainya. Tegasnya, SPB yang digunakan oleh PCL dan PLL adalah pelbagai dan dikelompokkan dalam beberapa pola ketika belajar BM semasa DLK.

PERBANDINGAN ANTARA PELAJAR CEMERLANG DAN PELAJAR LEMAH PEREMPUAN

Jadual 2 membincangkan SPB yang dilaporkan digunakan oleh pelajar perempuan ketika belajar BM semasa DLK berdasarkan data temu bual. Terdapat 64 SPB yang dilaporkan digunakan oleh pelajar perempuan ketika belajar BM semasa DLK. Daripada jumlah tersebut, PCP-2 (PCP - pelajar cemerlang perempuan) merupakan pelajar perempuan paling banyak menggunakan SPB ketika DLK, iaitu sebanyak 39 SPB. Ini diikuti PCP-1 dengan 31 SPB, PLP-1 (PLP - pelajar lemah perempuan) dengan 16 SPB, manakala PLP-2 merupakan pelajar perempuan paling sedikit menggunakan SPB ketika DLK, iaitu sebanyak 14 SPB sahaja. Secara perbandingan, PCP melaporkan menggunakan lebih banyak SPB berbanding PLP ketika belajar BM semasa DLK.

Terdapat lima SPB yang dikategorikan sebagai SPB paling popular yang dilaporkan digunakan oleh pelajar perempuan ketika belajar BM semasa DLK. Kelima-lima SPB yang dikategorikan sebagai SPB paling popular itu ialah strategi TDK, BPBB, GTTB, BBLTs dan SLSH. Kesemua SPB paling popular ini pula boleh dikelompokkan dalam lima pola, iaitu gaya pertuturan, membaca pelbagai bahan bacaan, menggunakan teknik belajar, memperbanyak latih tubi dan bersikap positif.

Pola mempelbagaikan gaya pertuturan merujuk kepada penggunaan strategi TDK. Strategi TDK atau bertutur dengan keluarga merujuk kepada sikap dan

JADUAL 2. SPB Pelajar Cemerlang Perempuan dan Pelajar Lemah Perempuan DLK

| Bil. | Kod | Definisi Koding | PCP-1 | PCP-2 | PLP-1 | PLP-2 |
|------|--------|-------------------------------------|-------|-------|-------|-------|
| 1. | GABD | Guna alat bantuan pendengaran | / | / | / | |
| 2. | DPF | Dengar perkara berfaedah | / | | | |
| 3. | PMTD | Peruntuk masa tingkat pendengaran | / | / | | |
| 4. | GTTD | Guna teknik tingkatkan pendengaran | / | / | | |
| 5. | DTKR | Dengar teliti kata rakan | / | / | | |
| 6. | DTKK | Dengar teliti kata keluarga | / | | | |
| 7. | BTG | Banyak tanya guru | | | | / |
| 8. | DAPB | Dengar aktiviti pertandingan bahasa | / | | | |
| 9. | ABAB | Ambil bahagian aktiviti bahasa | / | / | | |
| 10. | TDR | Tutur dengan rakan | / | / | / | |
| 11. | BDR | Bincang dengan rakan | / | | | |
| 12. | GABT | Guna alat bantuan pertuturan | / | / | | |
| 13. | PMTT | Peruntuk masa tingkatkan pertuturan | / | | | |
| 14. | GT TT | Guna teknik tingkatkan pertuturan | / | / | | |
| 15. | BTK | Banyak tanya keluarga | / | | / | / |
| 16. | TGBF | Tutur guna bahasa formal | | / | | |
| 17. | TDK | Tutur dengan keluarga | / | / | / | / |
| 18. | TDG | Tutur dengan guru | | / | | |
| 19. | BBPB | Berani beri pendapat bernas | / | | | |
| 20. | MRUS | Minta rakan ulang semula | | / | | |
| 21. | BTDK | Banyak bertutur depan kelas | | / | | |
| 22. | BPBB | Baca pelbagai bahan bacaan | / | / | / | / |
| 23. | TGBS | Bertutur guna bahasa sopan | | / | | |
| 24. | GT TB | Guna teknik tingkatkan pembacaan | / | / | / | / |
| 25. | BTR | Banyak tanya rakan | / | | | |
| 26. | PMTB | Peruntuk masa tingkat pembacaan | / | / | | |
| 27. | GABB | Guna alat bantu pembacaan | / | / | | / |
| 28. | BIP | Baca isi penting | | / | / | / |
| 29. | HKTB | Hadiri kursus teknik membaca | | / | | |
| 30. | BBK | Baca berulang kali | | / | | |
| 31. | MKBB | Minta keluarga baiki bacaan | | / | | |
| 32. | BGBF | Baca guna bahasa formal | | / | | |
| 33. | GABTs | Guna alat bantu penulisan | | / | | |
| 34. | WKP | Wujudkan kumpulan perbincangan | | / | | |
| 35. | PMTTs | Peruntuk masa tingkatkan penulisan | | / | | |
| 36. | GT TTS | Guna teknik tingkatkan penulisan | | / | / | / |
| 37. | TsGAL | Tulis guna ayat lengkap | | / | | |
| 38. | BBLTs | Banyak buat latihan menulis | / | / | / | / |
| 39. | SLSH | Semak latihan sebelum hantar | / | / | / | / |
| 40. | MGPT | Minta guru periksa teliti | | / | | |
| 41. | CIP | Catat isi penting | | / | | |
| 42. | MPK | Minta pendapat keluarga | | / | | |

JADUAL 2. (samb.)

| Bil. | Kod | Definisi Koding | PCP-1 | PCP-2 | PLP-1 | PLP-2 |
|--------|-------|---------------------------------|-------|-------|-------|-------|
| 43. | BRK | Banyak rujuk kamus | / | | | |
| 44. | TDB | Tulis diari belajar | | / | | |
| 45. | BRSTS | Buat rangka sebelum menulis | | / | | |
| 46. | MKPT | Minta keluarga periksa teliti | | / | | |
| 47. | HKT | Hadiri kelas tuisyen | | / | | |
| 48. | BDSB | Baca doa sebelum belajar | / | / | | |
| 49. | TPY | Tawakal penuh yakin | | / | | |
| 50. | HKBB | Hadiri kursus bengkel bahasa | | / | | |
| 51. | PTT | Percaya pertolongan Tuhan | | / | | |
| 52. | SS | Sentiasa solat | / | | | |
| 53. | BAS | Baca ayat suci | | / | | |
| 54. | MRK | Minta restu keluarga | / | | | |
| 55. | BWB | Belajar waktu subuh | / | | | |
| 56. | TGS | Tulis guna singkatan | | | | / |
| 57. | DTKG | Dengar teliti kata guru | | / | | |
| 58. | BUK | Buat ulang kaji | | / | | |
| 59. | BBLT | Banyak buat latihan pertuturan | | / | / | |
| 60. | MKBT | Minta keluarga baiki pertuturan | | / | | |
| 61. | BLGB | Buat latihan guru beri | | / | | |
| 62. | BSHL | Baca semula hasil latihan | | / | | |
| 63. | BDK | Bincang dengan keluarga | | / | | |
| 64. | BBLB | Banyak buat latihan pembacaan | | | | / |
| JUMLAH | | | 31 | 39 | 16 | 14 |

tindakan pelajar perempuan bagi meningkatkan aspek pertuturan. PCP menggunakan strategi TDK semasa di rumah. PCP banyak bertutur dengan keluarga sama ada dengan ibu bapa atau adik-beradik yang lain ketika berbincang masalah pelajaran dan sebagainya. Dengan bertutur dengan keluarga, ia membantu mereka meningkatkan aspek pemahaman, tatabahasa dan sebagainya. Bagi PLP, dengan bertutur dengan keluarga, ia dapat membantu mereka bertutur dengan lancar dan dapat memahami apa yang dituturkan oleh keluarga semasa berbincang masalah pelajaran dan lain-lain. Dengan kata lain, tujuan PCP dan PLP menggunakan strategi TDK adalah sama, iaitu dapat membantu mereka meningkatkan KT. Ini dapat ditunjukkan berdasarkan petikan temu bual strategi TDK seperti berikut:

- DLK apabila saya bertutur dengan dengan ibu bapa saya, ahli keluarga saya, rakan-rakan saya, sedikit sebanyak ia dapat membantu saya berani memberi pendapat terutamanya ketika peperiksaan. (PCP-1, DLK-KT: 116-118)
- Dapat membantu meningkatkan KT saya DDKlah. Saya dapat bertutur dengan baik dengan kakak dan abang. (PLP-1, DLK-KT: 12-13)

Pola menggunakan pelbagai teknik belajar merujuk kepada penggunaan strategi GTTB atau menggunakan teknik bagi meningkatkan pembacaan. Bagi PCP, pelbagai teknik membaca digunakan seperti berbincang dengan keluarga, meminta keluarga mendengar cara bacaan dan membaca pelbagai bahan bacaan. Misalnya, PCP menggunakan teknik membaca pelbagai bahan bacaan sebagai teknik belajar bagi meningkatkan KB ketika DLK. Dengan membaca pelbagai bahan bacaan, mereka dapat mengetahui pelbagai isu semasa dalam dan luar negara, dapat menambah ilmu pengetahuan, dapat mengetahui pelbagai perbendaharaan kata yang dapat digunakan dalam pertuturan, penulisan dan sebagainya. PLP juga menggunakan teknik membaca yang sama seperti PCP seperti membaca buku rujukan dan surat khabar ketika DLK. Dengan membaca pelbagai bahan bacaan, PLP dapat mengetahui pelbagai isu semasa yang dapat digunakan dalam pertuturan dan penulisan karangan. Dengan kata lain, tujuan strategi GTTB oleh PCP dan PLP adalah sama, iaitu membantu meningkatkan KB bagi pelajar perempuan. Perbezaan hanya dari segi teknik yang digunakan di mana PCP lebih pelbagai teknik membaca berbanding PLP seperti yang terdapat dalam petikan temu bual berikut:

- DLK di rumah terutamanya, saya meminta adik atau abang atau keluarga saya mendengar bacaan saya yang saya baca melalui buku cerita yang kadang-kadang menggunakan perkataan yang sukar-sukar di sebut. Ini menyebabkan mereka membetulkan bacaan saya (PCP-1, DLK-KB: 97-100).
- Kalau DLK itu saya akan membaca buku rujukanlah. (PLP-2, DLK-KB: 49)

SPB paling popular yang merujuk kepada pola memperbanyak latih tubi ialah strategi BBLTS. Sebagai contoh, PCP banyak membuat latihan menulis terutama bagi tajuk yang lemah dikuasai seperti tatabahasa, perbendaharaan kata dan karangan. Menyertai aktiviti pertandingan menulis juga dapat membantu meningkatkan KTS di kalangan PCP. Kebanyakan latihan menulis dibuat di rumah. Bagi PLP, latihan menulis yang banyak dibuat ialah latihan menulis karangan, rumusan dan tatabahasa. Ini menunjukkan bahawa kejayaan PCP dan PLP dalam aspek penulisan BM juga disebabkan oleh faktor latih tubi yang dibuat DLK. Dengan kata lain, tujuan PCP dan PLP menggunakan strategi BBLTS ketika DLK adalah sama, iaitu meningkatkan KTS dengan membuat pelbagai jenis latihan seperti yang dilaporkan dalam temu bual berikut:

- DLK pula, aktiviti yang digunakan untuk meningkatkan KTS adalah pertandingan menulis karangan, saya juga berlatih menulis dengan lebih laju dan banyak buat latihan menulis karangan di rumah.(PCP-2,DLK-KTS:25-27)
- Membuat karangan dan rumusan. Bila kita membuat karangan dan rumusan, kita banyak menulis...DLK buat latihan dan kemudian...(PLP-2, DLK-KTS; 1920)

Selain lima SPB yang dikategorikan sebagai SPB paling popular, terdapat enam SPB yang dikategorikan sebagai SPB popular, iaitu strategi GABD, TDR, BTK, GABB, BIP dan GTTS. Kesemua SPB ini boleh dikelompokkan dalam lima pola, iaitu menggunakan pelbagai alat bantuan, mempelbagaikan gaya pertuturan, pertanyaan, bersikap positif dan menggunakan teknik belajar.

Strategi GABB atau menggunakan alat bantuan bagi meningkatkan aspek pembacaan pula digunakan oleh pelajar perempuan bagi meningkatkan KB. Misalnya, PCP menggunakan pelbagai alat bantuan bagi meningkatkan aspek pembacaan seperti banyak mendengar ceramah dan ucapan yang membantu membaca dengan baik, menonton televisyen bagi membaca sari kata cerita yang dapat membantu memahami jalan cerita dan sebagainya. Sebagai contoh, membaca sari kata cerita di televisyen bukan sahaja membantu PCP membaca dengan lancar, malahan membantu mereka mengetahui jalan cerita melalui sari kata yang dibaca. Sebaliknya PLP menggunakan alat bantuan seperti surat khabar dan buku latihan bagi meningkatkan aspek pembacaannya. Misalnya, dengan membaca surat khabar PLP dapat meningkatkan KB di samping membantunya mengetahui pelbagai isu semasa. Dengan kata lain, terdapat persamaan dari segi tujuan PCP dan PLP menggunakan strategi GABB, iaitu membantu meningkatkan KB. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi alat bantuan yang digunakan di mana PCP menggunakan alat bantuan elektronik, manakala PLP lebih kepada penggunaan alat bantuan bercetak bagi meningkatkan KB. Ini dapat dibuktikan berdasarkan petikan temu bual pelajar perempuan bagi strategi GABB seperti berikut:

- DLK pula contohnya semasa saya menonton TV atau rancangan berbahasa asing, sari kata yang disediakan, saya dapat membaca dengan lebih baik supaya saya dapat memahami jalan cerita yang disiarkan. (PCP-2, DLK-KB: 36-38)
- Buku latihan, suratkhabar ke untuk lebukkan pengetahuan. Pengetahuan untuk membuat karangan ke. Dalam surat khabar membuat berita-berita yang boleh kita muatkan dalam karangan kita DLK. (PLP-2, DLK-KB: 31-32)

Pola teknik belajar merujuk kepada penggunaan strategi GTTS atau menggunakan teknik bagi meningkatkan aspek penulisan. Bagi PCP, pelbagai teknik menulis digunakan seperti menulis dengan cantik dan jelas agar mudah dibaca oleh guru. Dengan menulis cantik, guru dapat memeriksanya dengan lancar dan memberi markah yang baik. Bagi PLL pula, antara teknik menulis yang digunakan ialah menulis dengan pantas, membuat ulang kaji dan banyak membuat nota ringkas. Misalnya, menulis dengan pantas bukan sahaja menjimatkan masa, tetapi juga membolehkan PLP menulis banyak jawapan. Berdasarkan teknik menulis yang digunakan itu, dapat dirumuskan bahawa PCP dan PLP menggunakan teknik yang berbeza bagi meningkatkan aspek penulisan seperti yang tercatat dalam temu bual berikut:

- DLK pula saya akan menulis sesuatu perkataan atau kerja-kerja yang saya buat itu lebih jelas, terang dan boleh dibaca oleh semua orang. (PCP-2, DLK-KTS: 74-75)
- Saya akan membuat...kadang-kadang itu saya akan membuat latihan menulis panjang supaya tangan saya itu biasalah dengan kelajuan masa yang ditetapkan. Kalau DLK itu pun saya sesama, saya cuba juga mengulang kaji membuat yang lebih terbaik. (PLP-1, DLK-KTS: 48-50)

Selain SPB yang dikategorikan sebagai SPB paling popular dan popular, terdapat juga SPB yang dikategorikan sebagai SPB kurang popular. Berdasarkan Jadual 3, terdapat 53 SPB kurang popular yang dilaporkan digunakan oleh pelajar perempuan. Daripada jumlah tersebut, PCP dilaporkan paling banyak menggunakan SPB kurang popular, iaitu sebanyak 43 SPB. PLP pula melapor menggunakan 10 SPB kurang popular, manakala PCP dan PLP tidak berkongsi SPB kurang popular ketika DLK. Kesemua SPB kurang popular tersebut boleh dikelompokkan dalam beberapa pola seperti penerapan nilai murni, mendengar dengan teliti, memperuntuk masa belajar, menggunakan pelbagai alat bantuan, motivasi, menggunakan teknik belajar, memperbanyak latih tubi, membaca pelbagai bahan bacaan, mempelbagaikan gaya bacaan, penghayatan agama, dan sebagainya.

Bagi sesetengah PCP, daripada 43 SPB kurang popular yang dilaporkan digunakan ketika DLK, terdapat dua pola SPB yang tidak digunakan oleh PLP ketika belajar BM, iaitu pola penghayatan agama dan motivasi. Sebagai contoh,

sesetengah PCP menggunakan beberapa SPB kurang popular berkaitan dengan pola keagamaan seperti strategi BDSB, TPY, PTT, SS dan BAS. Misalnya, sesetengah PCP menggunakan strategi BDSB (membaca doa sebelum belajar), TPY (tawakal penuh yakin), dan PTT (percaya kepada pertolongan Tuhan). SPB ini tidak digunakan oleh PLP ketika belajar BM sewaktu DLK. Ini semua dapat dibuktikan berdasarkan petikan temu bual dengan sebahagian PCP seperti berikut:

Contoh strategi BDSB:

- Saya memang menggunakan strategi-strategi lain bagi meningkatkan lagi penguasaan saya dalam keempat-empat kemahiran ini. Contohnya seperti saya sentiasa berdoa kepada Allah agar diberi kemudahan untuk mengingatkan segala pelajaran pembacaan yang telah saya buat supaya saya tidak lupa. (PCP-1, DLK: 177-180)

Contoh strategi BAS:

- Selain itu, sebelum saya memulakan pembelajaran BM, saya akan mulakan dengan membaca bismillah dan membaca doa. (PCP-2, DLK: 139-140)

Contoh strategi SS:

- Selain itu, saya tidak pernah meninggalkan sembahyang supaya dapat menerangkan hti saya, supaya dapat menerangkan jiwa saya menjawab soalan dan ketika belajar. (PCP-1, DLK: 180-181)

Dalam kalangan PLP pula, daripada 10 SPB kurang popular yang dilaporkan digunakan, terdapat satu pola SPB yang tidak digunakan oleh sesetengah PLP, iaitu pola memperbanyak latih tubi. Berdasarkan Jadual 3, strategi BBLT dan BBLB boleh dikelompokkan dalam pola latih tubi. Sebagai contoh, strategi BBLT (banyak buat latihan pertuturan) dan BBLB (banyak buat latihan pembacaan) digunakan oleh PLP bagi meningkatkan KT dan KB seperti yang tercatat dalam transkrip temu bual berikut:

Contoh strategi BBLT:

- Buat banyak latihanlah. Buat latihan apa itu dalam tatabahasa dan perbendaharaan kata, ia banyak membantu meningkatkan KT. Macam kalau kita buat ayat itu kalau salah kita akan betulkanlah cikgu ke dia akan betulkan ayat yang salah. Kalau DLK kakak ,abang dan rakan banyak bantu tutur dengan lancar. (PLP-1, DLK-KT: 30-33)

Contoh strategi BBLB:

- Dapat. Dengan kita banyak membaca kita dapat bertutur dengan lebih baik...DLK,... (PLP-2, DLK-KB: 59)

Kesimpulannya, terdapat pelbagai SPB yang dilaporkan digunakan oleh pelajar perempuan ketika belajar BM semasa DLK. Daripada 54 SPB yang dilaporkan digunakan ketika DLK, secara keseluruhan PCP lebih banyak menggunakan SPB ketika DLK, iaitu sebanyak 54 SPB berbanding 21 SPB yang digunakan oleh PLP. SPB yang digunakan oleh pelajar perempuan ketika DLK

boleh dikategorikan dalam tiga kategori, iaitu SPB paling popular, popular dan kurang popular. Ketiga-tiga SPB tersebut pula boleh dikelompokkan dalam beberapa pola seperti mendengar dengan teliti, menggunakan pelbagai alat bantuan, teknik belajar, memperuntuk masa belajar, penghayatan agama, penerapan nilai murni, membaca pelbagai bahan bacaan, memperbanyak latih tubi dan sebagainya. Tegasnya, terdapat pelbagai SPB yang dapat dikelompokkan dalam pelbagai pola SPB dilaporkan digunakan oleh pelajar perempuan ketika belajar BM semasa DLK.

PERBINCANGAN

POLA STRATEGI PEMBELAJARAN

Secara keseluruhan, terdapat perbezaan penggunaan SPB antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ketika belajar BM semasa DLK. Sebagai contoh, pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB dalam KD, KB dan KTs ketika belajar BM semasa DLK berbanding pelajar perempuan. Namun demikian, pelajar lelaki dan pelajar perempuan dilaporkan sama-sama banyak menggunakan SPB dalam KT ketika belajar BM semasa DLK.

Berdasarkan kedua-dua dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa secara umum pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berbanding pelajar perempuan. Ini bertentangan dengan dapatan kajian SPB dalam pendidikan BM seperti yang dijalankan oleh Abu Talib (1998), Mohd. Nazali (1999), Mohd. Nazali, Mohamed Amin dan Zamri (1999), Mohamed Amin, Zamri dan Mohd. Nazali (2001) serta Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah (2002). Kebanyakan kajian yang dilaporkan oleh mereka menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berbanding pelajar lelaki ketika belajar BM semasa DLK. Dapatan kajian juga bertentangan dengan beberapa kajian SPB dalam mata pelajaran BI di Malaysia seperti kajian yang dilaporkan oleh Mohamed Amin (1996), Azlin Mazniwati (2000) dan Faizahani (2002). Ketiga-tiga pengkaji SPB dalam BI ini melaporkan bahawa pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berbanding pelajar perempuan. Selain itu, dapatan kajian pengkaji juga tidak selari dengan beberapa kajian di Barat seperti kajian yang dijalankan oleh Oxford (1990), LoCastro (1994), Chamot dan Beard El-Dinary (1999), Abdallah Hussein (2002) serta beberapa kajian lain. Kebanyakan mereka melaporkan bahawa pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB ketika belajar BI berbanding pelajar perempuan. Tegasnya, di kalangan peserta kajian, pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berbanding pelajar perempuan ketika belajar BM semasa DLK.

Dari segi tahap pencapaian pelajar lelaki, didapati secara perbandingan PCL lebih banyak menggunakan SPB berbanding PLL. Berdasarkan analisis data temu bual, didapati PCL lebih banyak menggunakan SPB ketika belajar BM semasa DLK berbanding PLL. Dapatan kajian bersamaan dan selari dengan kajian-kajian

yang dilaporkan dalam mata pelajaran BM dan BI di Malaysia dan juga luar negara. Antaranya ialah kajian yang dilaporkan oleh Mohamed Amin (1996, 2000), Mohamed Amin, Zamri dan Mohd. Nazali (2001), Mohd. Nazali (1999), Muhammad, Noriah dan Abdul Razak (2000), Faizahani (2002), Abdallah Hussein (2002) serta beberapa kajian pengkaji Barat seperti Ellis dan Sinclair (1989) dan Green dan Oxford (1995).

Dari segi tahap pencapaian pelajar perempuan, didapati secara perbandingan PCP lebih banyak menggunakan berbanding PLP. Berdasarkan analisis data temu bual, didapati PCP lebih banyak menggunakan SPB ketika belajar BM semasa DLK berbanding PLP. Dapatkan kajian pengkaji ini selari dengan beberapa kajian SPB dalam mata pelajaran BM dan BI di Malaysia dan luar negara. Antaranya ialah kajian yang dilaporkan oleh Mohamed Amin (1996, 2000), Mohamed Amin, Zamri dan Mohd Nazali (2001), Mohd Nazali (1999), Muhammad, Noriah dan Abdul Razak (2000), Faizahani (2002), Abdallah Hussein (2002) serta beberapa kajian pengkaji Barat seperti Ellis dan Sinclair (1989), Oxford (1990), dan Green dan Oxford (1995).

STRATEGI PEMBELAJARAN BERDASARKAN KEMAHIRAN BAHASA

1. Kemahiran Mendengar (KD)

Berdasarkan data temu bual, pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan SPB dalam KD berbanding pelajar lemah ketika belajar BM semasa DLK. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Hamidah, Melor dan Norzaini (2002) serta Zamri dan Mohamed Amin (2003a, 2003b). Misalnya, kajian Hamidah, Melor dan Norzaini (2002) mendapati pelajar universiti yang menguasai BI dengan baik banyak menggunakan strategi mendengar ketika belajar BI. Begitu juga dapatkan kajian Yang (1995) dan Kang (1997) yang melaporkan bahawa pelajar cemerlang BI banyak menggunakan KD ketika belajar BI sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar Korea.

2. Kemahiran Bertutur (KT)

Berdasarkan data temu bual, pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan dan menguasai SPB dalam KT berbanding pelajar lemah ketika belajar BM semasa DLK. Dapatkan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Mohamed Amin, Mohd. Isa, Zamri dan Jamaludin (2002), Hamidah, Melor dan Norzaini (2002) serta Zamri dan Mohamed Amin (2003a, 2003b). Sebagai contoh, Zamri dan Mohamed Amin (2003a) mendapati pelajar lelaki dan perempuan yang cemerlang lebih banyak menggunakan strategi bertutur berbanding pelajar lelaki dan perempuan yang lemah tahap pencapaianannya. Dari sgei jantina pula, kajian mendapati pelajar cemerlang lelaki lebih banyak menggunakan strategi bertutur berbanding pelajar perempuan cemerlang.

3. Kemahiran Membaca (KB)

Berdasarkan data temu bual, pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan dan menguasai SPB dalam KB berbanding pelajar lemah ketika belajar BM semasa DLK. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Mohamed Amin, Mohd. Isa, Zamri dan Jamaludin (2002) serta Hamidah, Melor dan Norzaini (2002). Sebagai contoh, kajian Mohamed Amin et al. (2002) yang mengkaji SPB berdasarkan kemahiran bahasa dalam mata pelajaran BM, BI dan BA di kalangan pelajar cemerlang melaporkan bahawa pelajar cemerlang terutamanya PCL banyak menggunakan SPB dalam KB berbanding PCP ketika belajar BI. Begitu juga dapatkan kajian Yang (1995) dan Kang (1997) yang melaporkan bahawa pelajar cemerlang BI banyak menggunakan KB ketika belajar BI sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar Korea. Sebagai contoh, Yang mendapati bahawa pelajar yang baik penguasaan BI banyak menggunakan SPB dalam KB berbanding pelajar yang lemah penguasaan BI.

4. Kemahiran Menulis(KTS)

Berdasarkan data temu bual, pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan dan menguasai SPB dalam KD berbanding pelajar lemah ketika belajar BM semasa DLK. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Hamidah, Melor dan Norzaini (2002). Walaupun kajian mereka tidak mengkaji SPB ketika DLK, tetapi dapatkan kajian mereka melaporkan bahawa pelajar universiti yang menguasai BI dengan baik banyak menggunakan aspek menulis sebagai cara menguasai BI dengan baik berbanding pelajar yang lemah BI. Begitu juga dapatkan kajian Yang (1995) dan Kang (1997) yang melaporkan bahawa pelajar cemerlang BI banyak menggunakan KTS ketika belajar BI sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar Korea. Dalam konteks pendidikan BM, SPB berdasarkan kemahiran bahasa ini (termasuk KD) merupakan suatu yang baru dalam penyelidikan BM.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan tentang beberapa penemuan kajian, dapat dilaporkan di sini bahawa kajian ini banyak memberi manfaat kepada kecemerlangan pelajar, guru dan mata pelajaran BM. Bagi pelajar, mereka dapat memanfaatkan hasil kajian ini dengan menguasai sebanyak mungkin SPB yang tersenarai dalam KD, KT, KB dan KTS untuk diperaktikkan ketika belajar BM semasa DDK, DLK dan PEP. Guru BM, guru dapat merancang pengajaran mereka dengan baik berdasarkan kemampuan pelajar mereka dalam sesuatu kemahiran bahasa yang dikuasai. Ini kerana setiap pelajar menggunakan SPB yang berbeza ketika belajar BM.

Kesimpulannya, dengan mengenal pasti SPB yang dikuasai oleh pelajar, guru dapat merancang sesi pengajaran dan pembelajaran BM dengan baik.

Beberapa kajian SPB di luar negara melaporkan guru banyak mempengaruhi SPB yang digunakan oleh pelajar. Tyacke dan Mendelsohn (1986) serta Oxford dan Erhman (1995) menyatakan bahawa guru yang mengajar bahasa dengan baik dapat mempengaruhi pelajarnya belajar bahasa dengan baik. Pelajar akan menggunakan pelbagai kaedah, teknik, atau strategi belajar bahasa seperti mana yang digunakan oleh guru bahasa mereka.

RUJUKAN

- Abdallah Hussein El-Saleh El-Omari. 2002. Language learning strategies employed by Jordanian secondary school students learning English as a foreign language. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abu Talib Abdullah. 1998. Gaya dan strategi pemelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan 4 daerah Johor Bahru. Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azlin Mazniwati Mohamed Azhari. 2000. English language learning strategy used by Form 4 students of Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Bangi, Selangor. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Chamot, A. U. & Beard El-Dinary, P. 1999. Childrens' learning strategies in language classroom. *Modern Language Journal* 83 (3): 80-89.
- Chamot, A. U. & Kupper, L. 1989. Learning strategies in foreign language instruction. *Foreign Language Annals* 22: 13-24.
- Creswell, J. W. 1998. *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five tradition*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Descombe, M. 1998. *The good research guide*. Buckingham: Open University Press.
- Ellis, R. 1994. *The study of second language acquisition*. London: Oxford University Press.
- Ellis, R. & Sinclair, B. 1989. *Learning to learn English: A course in learner training (Teacher book)*. Glasgow: Cambridge University Press.
- Faizahani Ab. Rahman. 2002. Strategies employed by good and weak English learners and factors affecting the choice of strategies. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Green, J. M. & Oxford, R. 1995. Learning strategies patterns of use by gender and proficiency. Paper presented at the 27th Annual TESOL Education, Atlanta, 15-17 July 1995.
- Hamidah Yamat, Melor Md. Yunus & Norzaini Azman. 2002. English language proficiency for quality in education: Are our students ready? *Proceedings of International Conference on Education for All* 225-233.
- Kang, Dang-Ho. 1997. Assessing Korean middle school students language learning strategies in input-poor environments. *EDRS. ED 413778*.
- Kvale, S. 1996. *Interviews: An introduction to qualitative research interviewing*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- LoCastro, V. 1994. Learning strategies and learning environments. *TESOL Quarterly* 28: 409-414 .
- Marshall, C. & Rossman, G. B. 1989. *Designing qualitative research*. Newbury Park: Sage Publication.

- Mohamed Amin Embi. 1996. Language learning strategies employed by secondary school students learning English as a foreign language in Malaysia. Thesis Ph.D. School of Education, University of Leeds.
- _____. 2000. *Language learning strategies: A Malaysia context*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Amin Embi, Zamri Mahamod & Mohd Nazali Abu Bakar. 2001. Pola penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu. *Journal of Language Teaching Linguistics and Literature* 7: 95-109.
- Mohamed Amin Embi, Mohd Isa Hamzah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. 2002. E-LearnerTraining.Net: An interactive online model for learning-to-learn language. Paper presented in International Conference, Beijing, China, 16-20 July 2002.
- Mohamed Amin Embi, Zamri Mahamod & Mohd Isa Hamzah. 2004. Development of self-access online learning-to-learn model for Malaysian secondary school. *Final Research Report IRPA 07-02-02-0054*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Nazali Abu Bakar. 1999. Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan 4: Satu tinjauan. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Nazali Abu Bakar, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. 1999. Hubungan antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dengan pemboleh ubah jantina, etnik, pencapaian bahasa dan status sosioekonomi pelajar. *Jurnal Teknologi* 31 (E): 43-62.
- Mohd Tajuddin Hj. Abdul Rahman. 1996. Penyelidikan pendidikan: Kontrak sosial ke arah meningkatkan martabat Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* 40: 694-401.
- Muhammad Hussin, Noriah Ishak & Abd. Razak Ahmad. 1999. Strategi pembelajaran pelajar Melayu. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Pengajaran dan Pembelajaran. Anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan UNESCO Malaysia pada 24-25 November 1999.
- Oxford, R. 1990. *Language learning strategies : What every teacher should know*. New York: Newbury House / Harper & Row.
- Oxford, R. & Crookall, D. 1989. Research on six situational language learning strategis: Methods, findings and instructional issues. *Modern Language Journal* 73 (4).
- Oxford, R. & Erhman, M. 1988 Psychological type and adult language learning strategies: A pilot study. *Journal of Psychological Type* 16: 22-32.
- Oxford, R., Nyikos, M. & Erhman, M. 1988. Vive la difference? Reflections on sex differences in use of language learning strategies. *Foreign Language Annals* 21(4).
- Pickard, N. 1996. Out of class language learning strategies. *English Language Teaching Journal* 2: 150-159.
- Supian Mohd Noor. 2003. Strategi pemerolehan ayat satu dasar. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Taylor, S. J. & Bogden, R. 1984. *Introduction to qualitative research methods : The search for meaning*. Edisi Ke-2. New York: John Wiley and Sons.
- Tyacke, M. & Mendelshon, D. 1986. Students needs: Cognitive as well as communicative. *TESL Canada Journal* 1: 171-183.
- Yang, Nae-Dang. 1995. Effective awareness-raising in language learning strategy training. Paper presented at the Annual Meeting of the Teachers of English Speakers of other Language, Long Beach, California, 18-20 October 1995.

- Zamri Mahamod. 2004a. Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu sekolah menengah. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- _____. 2004b. Perbandingan strategi belajar pembelajaran antara jantina pelajar ketika belajar bahasa di luar kelas. Kertas kerja dibentangkan di Konferensi Intelektual Bahasa. Anjuran Pusat Bahasa, Universiti Teknologi Mara cawangan Pahang pada 31 Mac-1 April 2004 di Dhe Rhu Beach Resort, Kuantan.
- Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi. 2000. Pengenalpastian gaya dan strategi pembelajaran bahasa sebagai satu cara mengatasi masalah kepelbagaiannya pelajar dalam kelas bahasa. *Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan* 13-26.
- _____. 2000. Gaya dan strategi pembelajaran bahasa : Metodologi, dapatan dan agenda masa depan. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Bahasa Melayu Alaf Baru. Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Mara pada 25-27 September 2000.
- _____. 2003a. Strategi Pembelajaran Bahasa Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Bahasa* 3(2): 263-319.
- _____. 2003b. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa untuk Menguasai Kemahiran Mendengar dan Bertutur. *Virtec Journal* 3(2): 43-65.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Noriah Mohd Ishak & Juriah Long. 2002. Strategi pembelajaran bahasa dari segi jantina pelajar cemerlang: Satu kajian perbandingan. *Proceedings International Conference on Education for All* 63-77.
- _____. 2003. Strategi pembelajaran bahasa Melayu: Satu kajian pemerhatian kemahiran lisan antara pelajar perempuan. Kertas kerjas dibentangkan di Persidangan Psikologi 2003. Anjuran Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 9-11 Mei 2003.

Zamri Mahamod
Mohamad Amin Embi
Jabatan Perkaedahan & Amalan Pendidikan
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan